

08/03/2002

Catatan biografi singkat sejarah hidup Mahathir

iewed by Osman Ayob

Nama buku: Mahathir di Mata Umum

Penulis: Zahidi Zainol Rashid

Penerbit: Koperasi Serbaguna Penulis Utara Malaysia

Tebal: 199 halaman

Harga: RM150

SUDAH banyak buku biografi Dr Mahathir Mohamad diterbitkan baik yang ditulis oleh penulis tempatan mahupun penulis luar negara berada dalam pasaran. Namun buku Mahathir Di Mata Umum yang diterbitkan Koperasi Serbaguna Penulis Utara Malaysia Berhad mempunyai kelebihan yang tidak tersingkap dalam mana-mana buku biografi yang dihasilkan sebelum ini.

Buku mewah yang dihiasi gambar berwarna yang menarik dan sentimental di antaranya daripada Koleksi Kedah, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah ini memuatkan catatan biografi Perdana Menteri sejak dilahirkan, keluarga, zaman persekolahan, zaman Jepun, ketika di Universiti Malaya (Singapura), kerja beliau sebagai doktor dan penglibatannya dalam politik tanah air hingga membawanya ke mercu kejayaan sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Buku yang mempunyai 20 bab ini dimulakan dengan pengenalan negeri Kedah adalah negeri tertua di Malaysia dan mempunyai tamadun yang tinggi dengan epik besar Hikayat Merong Mahawangsa, Lagenda Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan turut mewarnai sejarah, budaya dan tamadunnya.

Ramai tokoh ternama negara kelahiran Kedah. Sebagai seorang doktor perubatan, Dr Mahathir memecah tradisi sedangkan tiga orang Perdana Menteri sebelumnya (Almarhum Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Hussein Onn) adalah peguam.

Sebagai Perdana Menteri, Dr. Mahathir membawa banyak perubahan kepada kemajuan negara. Beliau dilihat sebagai penjana dan mengangkat martabat negara dan bangsa ke arena antarabangsa. Dr. Mahathir juga adalah negarawan dunia dan berjaya menonjolkan Malaysia di peta dunia dan menjadi pemimpin utama negara dunia ketiga.

Buku ini memberi liputan yang terperinci dari zaman remaja Dr Mahathir, bermula dengan pendidikan awal di Sekolah Melayu Seberang Perak, Maktab Sultan Abdul Hamid, Alor Star hinggalah beliau melanjutkan pelajaran di Kolej Perubatan, King Edward VII Universiti Malaya, Singapura pada tahun 1947.

Diceritakan juga bagaimana semasa pendudukan Jepun, Dr Mahathir seperti rakyat lain, menghadapi cabaran hidup dengan berniaga di Pekan Rabu, Alor Setar. Minat dalam perniagaan inilah menyebabkan setelah mendapat ijazah kedoktoran (1953) setelah bekerja dengan kerajaan, akhirnya meletakkan jawatan dan membuka klinik sendiri.

Beliau aktif dalam Umno dan digelar Dr. Umno. Dalam politik, cabaran yang dilaluinya untuk sampai pada kedudukannya bukanlah mudah. Dalam pilihan raya umum tahun 1969, beliau pernah tewas kepada calon Pas. Beliau pernah dipecat daripada Umno. Namun kerana kepercayaan kepada perjuangan Umno, beliau diterima kembali pada tahun 1972 dan sejak itu tangga kejayaannya dalam hierarki Umno meningkat.

Mahathir Di Mata Umum adalah dokumentasi penting yang boleh dijadikan bahan rujukan mengenai cita-cita dan perjuangan, semangat dan kepercayaan kepada diri sendiri serta pencapaian tinggi bagi seorang anak bangsa yang berwibawa dan bersedia menempuh pelbagai dugaan dalam melayari gelombang perjuangan yang diyakininya demi menaikkan martabat bangsa dan negaranya.

Satu kelebihan dalam buku ini, Bab 19 yang memuatkan Mahathir Yang Saya

Kenali mengenengahkan lima pendapat daripada lima orang tokoh yang datang dari lima latar belakang hidup dan kerjaya yang berbeza yang mengenali Dr Mahathir sejak sekian lama. Mereka ialah Datuk Khalid Abdullah, Senator Datuk Zainuddin Maidin, Datuk Ahmad Nordin Mohd Zain, Dr John Augustin dan Ahmad Ariffin (Affrini Adham).

Apa yang diungkapkan mereka adalah intipati pendapat yang mencakupi pelbagai aspek berkenaan Dr Mahathir sebagai pemimpin yang unggul dan sukar dicari ganti.

(END)